

**Bandar kita dipenuhi harapan dan impian kita.
Perancangan jangka panjang membolehkan
kita menjadikannya realiti, membentuk
kediaman yang mencerminkan visi bersama,
dan membuat persediaan untuk masa depan.
Bagaimanakah kita boleh terus membina
Ruang untuk Impian Kita?**

Ruang Untuk Impian Kita



Membuat Pilihan Hari Ini untuk Masa Hadapan

Sebagai sebuah bandar dan juga negara, kita bukan sahaja mesti merancang tempat tinggal, tempat kerja, kawasan rekreasi dan ruang yang mencukupi untuk semua orang, tetapi juga memastikan infrastruktur kritikal seperti utiliti, takungan, pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lain turut disediakan.

Rancangan jangka panjang yang sebelum ini dikenali sebagai Pelan Konsep (Concept Plan) adalah rancangan penggunaan tanah dan pengangkutan strategik yang melakar transformasi landskap fizikal Singapura. Sejak Pelan Konsep pertama pada tahun 1971, ianya biasa disemak setiap 10 tahun bagi membentuk bandar kita secara aktif dan membuat rancangan untuk masa depan.

Rancangan jangka panjang adalah mengenai:

Mengimbangi pelbagai keperluan kita.

Mengoptimalkan ruang secara kreatif untuk mengatasi had fizikal kita.

Menyediakan pilihan masa depan untuk menangani keperluan dan peluang yang tidak dapat dijangka.

Bekerjasama mencipta tempat yang sesuai untuk didiami dan disayangi semua.

Dalam dekad akan datang, kita mempunyai peluang untuk membangunkan tempat yang ditandai sebagai “Kawasan Pembangunan Masa Depan” bagi pelbagai kegunaan. Bersama-sama dengan “Tapak Rizab” dan “Tapak Putih”, ianya akan memberikan kita lebih banyak ruang untuk mengubahsuai perancangan kita bagi menghadapi masa depan yang dinamik.

Dalam semakan terkini perancangan jangka panjang, kita telah melibatkan lebih daripada 15,000 penduduk dari semua lapisan masyarakat sepanjang 50 sesi, dari ceramah dan tinjauan dalam talian kepada perbincangan mendalam yang berlangsung dari Julai 2021 sehingga April 2022.

Kita juga menimbangkan pandangan mereka dalam merangka perancangan dan kemungkinan yang akan menjadi panduan bagi Singapura memenuhi keperluannya dalam tempoh 50 tahun akan datang dan seterusnya.

Hidup

BAIK DAN BERSAMA

Tempat kediaman adalah sesuatu yang dititikberatkan dalam kehidupan berkualiti tinggi di Singapura. Selain memenuhi keperluan asas kita sebagai tempat perlindungan, ianya juga menyumbang kepada rasa memiliki dan sepunya yang kuat di kalangan rakyat Singapura. Dengan penduduk semakin menua dan keluarga yang pelbagai later belakang, kita akan terus mengubahsuai suasana kehidupan kita untuk memenuhi peralihan ini.



1

Lebih Banyak Kediaman untuk Keperluan dan Aspirasi Baharu



Menyediakan kediaman yang inklusif dan mudah diakses kepada semua akan terus menjadi keutamaan matlamat perumahan Singapura. Kita akan:

Membangunkan bandar baru yang bersepadu secara sensitif dengan alam semulajadi dan aset warisan kita.

Merancang untuk membina lebih banyak kediaman di dalam dan sekitar bandar serta berdekatan dengan kemudahan.

Mempelbagaikan jenis perumahan untuk memenuhi keperluan isi rumah yang berbeza.

2

Bandar yang Inklusif dan Rapat



Bandar-bandar kita akan membantu membina semangat jatidiri di kalangan penduduk dan memupuk semangat kemasyarakatan yang bertenaga. Kita akan:


Berusaha menjalinkan tempat kediaman swasta dan awam bagi memupuk interaksi di kalangan penduduk dari semua lapisan masyarakat.

Merancang bandar yang menyokong kesihatan dan kesejahteraan penduduk dari pelbagai peringkat.

Membangunkan lebih banyak laluan untuk pejalan kaki dan ruang komuniti untuk menggalakkan interaksi dan ikatan sosial.

3


Bandar Sedia Masa Depan



Dengan gaya hidup penduduk yang semakin berkembang, bandar — yang sedia ada dan akan datang — mesti disesuaikan dengan perkembangan tersebut. Kita akan:

Menyediakan lebih banyak ruang yang boleh diubahsuai dan fleksibel bagi memenuhi keperluan baru atau yang tidak dijangka.

Menyelenggara bandar lama bagi memastikan ianya terus sesuai untuk generasi masa kini dan masa depan.



Kerja


DI MANA-MANA SAHAJA

Memandangkan ekonomi global berubah secara baru dan tidak dapat dijangka, Singapura mesti menyesuaikan diri dan menawarkan ruang ekonomi yang menarik untuk perniagaan bagi memastikan pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat kita. Tempat kerja and jenis pekerjaan tradisional sedang berubah dengan keperluan yang baru, seperti model perniagaan baru dan peraturan kerja yang lebih fleksibel. Tempat kerja tidak akan lagi terhad kepada pejabat dan kilang sahaja pada masa hadapan.



1

Kawasan Perkerjaan Yang Menarik



Ekonomi kita akan menyokong kepelbagaian pekerjaan dan tempat kerja untuk semua. Kita akan:


Terus meningkatkan daya tarikan pusat bandar kita sebagai hab bisnes global sambil mengubahnya kepada presint ceria dan pelbagai guna dengan memperkenalkan lebih banyak kemudahan, tawaran rekreasi dan gaya hidup serta lebih banyak jenis kediaman.

Memperkenalkan lebih banyak kawasan pekerjaan di luar pusat bandar bagi mencipta ruang kerja yang bertenaga dan hampir dengan kawasan kediaman.

Mengembangkan ekosistem ekonomi dengan membawa bersama pelbagai jenis perniagaan, penyelidikan dan aktiviti berkaitan yang lain serta infrastruktur untuk mencipta sinergi yang lebih besar.

2

Ruang Fleksibel untuk Inovasi dan Keperluan Baru



Ruang kerja kita mesti boleh disesuaikan bagi memastikan Singapura mengekalkan persaingannya. Kita akan:

Meneroka lokasi yang sesuai untuk zon Perniagaan Putih bagi menyediakan industri dengan kefleksibelan yang lebih tinggi untuk menguji konsep baru dengan pelbagai kegunaan dalam lokasi yang sama.

Mencipta Daerah Perusahaan yang fleksibel dalam perancangan bagi kegunaan berbeza di daerah yang lebih luas, melangkaui bangunan individu.

Menawarkan pelbagai tempoh pajakan untuk beberapa tapak di kawasan terpilih bagi merintis kegunaan baharu, menyokong keperluan ekonomi yang berubah dengan pantas dan memudahkan rejuvenasi.

3


Ekonomi Sedia Masa Depan



Ruang kerja kita harus berubah sebagaimana model perniagaan, trend teknologi dan aspirasi pekerja-pekerja kita berkembang. Kita akan:

Menyediakan pelbagai pekerjaan dan ruang kerja yang disesuaikan dengan industri bernilai tinggi dan trend baru.

Mengoptimumkan tanah untuk ruang kerja bagi memberikan lebih banyak ruang kepada sektor baru.




Main

SIHAT DAN GEMBIRA

Kawasan riadah adalah tempat dimana kita membina komuniti, meningkatkan perhubungan antara masyarakat dan menemui detik-detik gembira dalam kehidupan harian kita. Ruang riadah dan rekreasi menyemarakkan kawasan persekitaran bandar kita, memastikan kita sentiasa aktif dan meningkatkan gaya hidup kita. Dengan menawarkan pelbagai hiburan dan menjadikannya lebih mudah diakses kepada orang ramai, kita dapat memastikan Singapura terus menjadi bandar yang menarik untuk kita dan pelawat dari seluruh dunia.



1



Lebih Banyak Rekreasi Berhampiran Rumah

Rangkaian kemudahan rekreasi yang berhubung dengan baik di bandar-bandar memastikan kita semua boleh bersantai dan berehat setiap hari. Kita akan:

Menyokong integrasi pelbagai kemudahan rekreasi di satu tempat untuk meningkatkan pilihan dan mengoptimumkan penggunaan tanah.

Sama-sama mencipta ruang bermain dengan penduduk.

Memperkenalkan pelbagai jenis ruang hijau untuk memberi kerehatan kepada kehidupan bandar dan memupuk ikatan komuniti.

2




Sebuah Pulau Hijau, Biru dan Menyeronokkan

Ruang hijau and biru kita yang kaya boleh dinikmati dan dihargai oleh ramai orang. Kita akan:

Mengembangkan rangkaian rekreasi berasaskan alam semula jadi kita dan menghidupkan kegiatan ditakung dan laluan air untuk menawarkan lebih banyak pilihan riadah dan rekreasi.

Merangkul kepulauan kita dan menerokai peluang untuk lebih banyak aktiviti rekreasi di pantai dan di pulau-pulau luar pesisir kita.



3



Bandar Yang Pelbagai untuk Semua

Pelancongan akan mengukuhkan kedudukan Singapura sebagai bandar bertenaga di peringkat global, memperkaya pengalaman tempatan dan memperteguhkan kisah kebangsaan kita. Kita akan:

Mengalu-alukan tarikan yang segar dan menarik untuk memastikan Singapura kekal sebagai destinasi pilihan ramai.

Memudahkan transformasi daya tarikan sedia ada untuk menyediakan ruang riadah dan pengalaman gaya hidup baru.

Memberi peluang kepada orang ramai untuk mencipta detik-detik menyeronokkan di ruang-ruang awam di seluruh bandar.

Gerak


CEKAP DAN TERHUBUNG

Cara manusia dan barangan bergerak di bandar dan bagaimana kita berhubung dengan dunia akan berubah bersama dengan teknologi dan inovasi mobiliti baru. Fokus kita adalah untuk memastikan pergerakan yang senang di dalam bandar kita, mengukuhkan rangkaian mobiliti dan beralih ke arah cara perjalanan yang lebih mampan dan cekap untuk membina perhubungan yang pantas dan lebih mudah di antara bandar kita dengan dunia.



1

Rangkaian Mobiliti Komprehensif



Bersiar-siar di Singapura akan menjadi lebih selesa dan mampan. Kita akan:

Mengutamakan pengangkutan awam dan pilihan mobiliti aktif.

Mengubahsuai jalan raya untuk menjadikan aktiviti berjalan kaki, berbasikal, dan berulang-alik dengan pengangkutan awam lebih menarik.

Memanfaatkan teknologi baru yang boleh meningkatkan cara kita bergerak.

2

Sistem Penghantaran yang Lebih Baik dan Cekap



Bandar-bandar kita mestilah direka untuk menyokong peningkatan jumlah penghantaran barangan dari e-dagang. Kita akan:

Menyokong operasi logistik supaya lebih banyak penghantaran boleh dipenuhi dengan sumber yang terhad.

Meningkatkan kecekapan penghantaran jarak jauh menerusi perancangan infrastruktur dan penggunaan teknologi.



3

Hab Global yang Berhubung Dengan Baik



Sebagai sebuah negara kecil dengan ekonomi terbuka, ketersambungan ke seluruh dunia telah menjadi teras daya saing Singapura. Kita akan:

Meningkatkan hubungan udara, laut dan logistik kita menerusi infrastruktur baru dan penyepaduan lebih baik dengan industri.

Memajukan kedudukan kita sebagai hab digital global menerusi hubungan digital yang kukuh dengan dunia.

Menghargai

TERSENDIRI
DAN DISAYANGAI

Apabila bandar kita semakin matang, ianya harus menjadi bandar di mana generasi sekarang dan akan datang berasa bangga sebagai tempat kediaman. Tempat yang kita kenali, bangunan-bangunan tersendiri dan warisan binaan menambat semangat kekitaan dan menjadikan bandar ini unik. Kita akan bekerjasama menjadikan Singapura inklusif dan menarik supaya ianya kekal sebagai tempat untuk mengejar impian dan melalui hari tua.



1 Bandar yang Disayangi Semua



Warisan dan identiti kita harus dikekalkan untuk dihargai generasi kini dan masa depan walaupun ketika bandar sedang membangun. Kita akan:

Mengekalkan tempat yang kita kenali sambil membina dengan mengenal pasti, melindungi dan mengekalkan aset warisan kita, serta meneroka cara untuk meningkatkan karakter dan identiti tempat.

Menggabungkan yang baru dan lama melalui penyepaduan sensitif dan penggunaan semula penyesuaian warisan terbina kita untuk menjadikan Singapura sebuah bandar yang disayangi semua.

Meraikan dan mengekalkan aspek warisan yang nyata dan tidak ketara serta memupuk perkongsian kenangan dan kisah yang memberi erti kepada ruang kita.

2 Ruang Tersendiri dan Menimbulkan Rasa Sayang



Tempat-tempat kegemaran kita di bandar ini selalunya adalah hasil usaha yang dipertimbangkan dan bersepadu dalam reka bentuk dan seni bina bandar. Kita akan:

Mencipta tempat-tempat yang tidak dapat dilupakan dan bangunan-bangunan tersendiri menerusi reka bentuk bandar yang sensitif dan seni bina inovatif untuk membina semangat kekitaan.

Membuka lebih banyak ruang untuk orang ramai berhimpun, berinteraksi, atau hanya bersantai dan menikmati kenikmatan bandar.

3 Tempat-Tempat untuk Komuniti



Memupuk semangat kekitaan penting bagi membina identiti tempat dan meningkatkan nilainya. Kita akan:

Mencipta tempat bersama komuniti setempat untuk memupuk rasa pemilikan yang lebih besar dan mencipta tempat yang lebih meriah.


Melibatkan orang awam supaya lebih ramai orang boleh turut serta dalam menceritakan kisah warisan terbina kita.



Pengelola

HIJAU DAN
BIRU

Alam semula jadi memainkan peranan penting dalam bandar yang sesuai untuk hidup dan berdaya tahan, terutamanya terhadap kesan pambandan dan perubahan iklim. Ruang hijau dan biru menyokong ekosistem semulajadi dan juga memberi manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan kita. Kita akan terus berkerja dengan penduduk untuk mengubah Singapura kepada Bandar dalam Alam Semula Jadi.



1

Pengawasan Modal Asli



Ruang hijau dan biru kita boleh disepadukan dengan lebih baik dalam fabrik bandar kita, berpandukan pendekatan berasaskan sains:

Kita telah membina alat pemprofilan ekologi dan menjalankan Latihan Pemprofilan Ekologi (EPE) untuk menyepadukan alam semula jadi ke dalam perancangan jangka panjang kita.

Kita akan meluaskan modal asli kita dengan Rangkaian Taman Alam dan Koridor Alam Semula Jadi untuk memastikan ekologi jangka panjang kekal berdaya tahan.

2

Ruang Hijau dan Biru Pelbagai Fungsi



Dengan menyepadukan ruang hijau dan biru bersama persekitaran bandar, kita boleh meningkatkan ketersambungan ekologi, meningkatkan kebolehdiaman dan memenuhi keperluan sosial dan rekreasi. Kita akan:

Mencipta ruang yang menyokong habitat semula jadi kita dan berfungsi sebagai ruang riadah.

Mengembalikan alam semula jadi ke dalam landskap bandar kita untuk meningkatkan kebolehdiaman, mengurangkan kesan haba bandar serta menyediakan habitat alternatif untuk biodiversiti.

Mengimbangi keperluan pembangunan dengan pemuliharaan alam semula jadi dengan mengkaji bagaimana kita boleh membangun dengan lebih sensitif.

3


Ketahanan Iklim Melalui Alam Semula Jadi



Ruang hijau dan biru boleh mengurangkan kesan perubahan iklim sambil memberikan manfaat rekreasi dan ekologi. Kita akan:

Meningkatkan kehijauan di kawasan terbina untuk mengurangkan suhu permukaan dan persekitaran.

Menggabungkan penyelesaian kejuruteraan dengan unsur semula jadi di tempat yang sesuai untuk meningkatkan daya tahan iklim kita sambil meningkatkan biodiversiti.




Mampan

KARBON RENDAH
DAN BERDAYA TAHAN

Kita telah membangunkan Singapura secara mampan dengan mengimbangi secara holistik pertimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar serta ruang darat dan laut yang terhad. Kelestarian alam sekitar jangka panjang kita adalah lebih penting dengan perubahan iklim dan kekurangan sumber. Kita semua mesti memainkan peranan untuk memastikan kita dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang.

1

Bandar Berkarbon Rendah



Singapura akan mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang atau sekitar pertengahan abad. Kita akan:

Nyahkarbon dan pelbagaikan bekalan tenaga kita supaya bandar dikuasakan menerusi tenaga lebih bersih dan grid yang lebih pintar.

Bergerak ke arah persekitaran binaan regeneratif yang meminimakan kerosakan pada alam sekitar malah menyembuhkan dan menghidupkannya semula.

Menutup gelung sumber kita dengan memulihkan dan menggunakan semula sebanyak mungkin yang juga mengurangkan sisa yang kita hasilkan.



Photo: Keppel

2

Lebih Banyak Infrastruktur Berdaya Tahan Iklim



Bandar kita boleh dilindungi dengan lebih baik daripada kesan perubahan iklim. Kita akan:

Meningkatkan daya tahan banjir dengan infrastruktur baru dan pelbagai fungsi untuk mengoptimumkan tanah.

Menyejukkan haba bandar melalui perancangan dan rekaan bangunan dan alam sekitar yang menyokong keselesaan terma dengan lebih baik.



Photo: PUB

3

Pendekatan Perancangan Tahap Sistem



Menutup gelung sumber boleh mengurangkan pembaziran sambil meningkatkan kecekapan, menjimatkan kos dan keuntungan alam sekitar. Kita akan:

Menempatkan bersama infrastruktur dengan menyepadukan bahagian sistem bandar yang berbeza untuk meluaskan penggunaan sumber berharga kita.

Menyokong ekonomi kitaran dengan meletakkan industri secara strategik bagi menutup gelung sumber dalam proses pengeluaran.


Membina daerah baru secara mampan dari awal sepertimana yang dilihat di Jurong Lake District yang akan datang.



Photo: JTC

4

Pilihan Tanah dan Ruang



Kita sentiasa mencari langkah untuk mengoptimumkan pilihan tanah dan ruang untuk memastikan generasi akan datang tidak ketandusan ruang. Kita akan:

Mengoptimumkan ruang laut dengan cara yang sensitif kepada persekitaran laut dengan menempatkan semula penggunaan dan memanfaatkan teknologi.

Melihat melangkaui kaedah tradisional penambakan tanah dengan meneroka penyelesaian kreatif dan inovatif untuk penciptaan tanah.

Membuka ruang bawah tanah kita dengan meneroka kemungkinan mewujudkan lebih banyak ruang gua.



Photo: JTC

Pangkalan Udara Paya Lebar

PENERBANGAN SETERUSNYA

Mulai tahun 2030an, Pangkalan Udara Paya Lebar (PLAB) akan dipindahkan untuk memberi laluan kepada bandar generasi baru di timur Singapura.

URA telah menjemput Institut Arkitek Singapura (SIA) dan Institut Perancang Singapura (SIP) untuk menghasilkan idea konsep awal untuk pembangunan semula PLAB sebagai Komuniti Masa Depan. Idea yang berguna akan dikaji dengan lebih terperinci untuk melihat jika ia boleh dimasukkan ke dalam Pelan Induk PLAB.



1

Komuniti Inovatif dan Aktif; Pekerjaan dan Ruang yang Pelbagai dan Kreatif

Dibina berdasarkan model polisentrik kita yang sedia ada, PLAB akan menjadi titik pertemuan pekerjaan yang tersendiri untuk mendekati pekerjaan dengan kediaman. Khususnya, PLAB boleh dirancang untuk:

Menyediakan penghubung perjalanan yang menjimatkan masa antara komuniti dan kejiranan bandar menerusi PLAB.

Memastikan pergerakan yang mudah dan cekap melalui rangkaian mobiliti yang mengutamakan rakyat dan menggunakan ruang kongsi yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kehidupan berkualiti tinggi.

Membolehkan ruang kerja yang pintar, fleksibel dan pelbagai dengan menyepadukan kawasan hidup-kerja secara kreatif yang menawarkan fleksibiliti dan kepelbagaian yang lebih besar.

2

Komuniti Jiran dan Tersendiri; Persekitaran yang Hidup dan Menyeluruh

PLAB akan membantu Singapura memenuhi permintaan perumahan masa depannya, membina kawasan-kawasan yang mempunyai karakter dan identiti yang tersendiri, dan boleh menyumbang kepada rasa pemilikan dan kekitaan yang lebih kukuh di kalangan penduduknya. Kita akan:

Membangunkan daerah tersendiri yang berteraskan warisan PLAB dan ciri-ciri tapak yang unik.

Mencipta kejiranan yang serba lengkap dan komuniti yang memupuk ikatan dan ketahanan sosial.

Merancang ruang fleksibel yang boleh disesuaikan dengan keperluan yang berubah dari semasa ke semasa.

3

Komuniti Mampan dan Menyeronokkan; Jiwa Timur yang Kehijauan dan Kebiruan

PLAB akan dibangunkan untuk menangani cabaran perubahan iklim dan sumber yang berkurangan. Kita akan meneroka:

Menyatukan bandar dan kawasan sekitarnya melalui rangkaian hijau dan biru untuk menyokong biodiversiti, rekreasi dan ketahanan iklim.

Menggunakan sistem ekonomi kitaran dan sistem lingkaran tertutup serta kuasakan bandar secara mampan dengan separuh atau lebih keperluan tenaganya datang daripada sumber yang boleh dibaharui.